

BEBERAPA PANDANGAN MENGENAI PENDIDIKAN SEKS

© Muhammad Haniff Hassan

Masalah keseksualan remaja Islam hari ini begitu membimbangkan. Ini dapat dilihat dari jumlah remaja Islam yang terlibat dalam perzinahan sehingga menyebabkan kehamilan di luar nikah dan lebih buruk lagi pengguguran janin. Pergaulan bebas yang dapat kita lihat di jalan-jalan hari ini merupakan juga indikasi kepada masalah yang ada.

Tidak syak lagi, masalah ini memerlukan penglibatan ibu bapa bagi menanam kefahaman yang betul terhadap seks dalam diri anak-anak mereka. Namun, malangnya rata-rata ibu bapa Melayu merasa malu dan janggal untuk memainkan peranan langsung dalam pendidikan seks kepada anak-anak mereka. Ini mengakibatkan, remaja dibiarkan untuk mencari sendiri jawapan bagi persoalan seks yang ada dalam fikiran mereka. Ada pula ibu bapa yang berdiam diri dalam soal ini dengan andaian bahawa remaja nanti akan tahu sendiri.

Sikap seperti ini sebenarnya sudah lagi tidak sesuai kerana hakikatnya Ibu bapa adalah agen utama dalam memastikan pendidikan yang betul para remaja kita, termasuklah dalam hal ini memberi input terhadap pendidikan dan perlakuan seks yang betul. Oleh itu, ibu bapa bagi para remaja hari ini dan akan datang perlu mengubah sikap pasif dalam menangani masalah pendidikan seks anak-anak mereka.

Seks Dalam Al-Quran & Sunnah

Jika kita mengkaji agama Islam dengan mendalam kita akan dapati terdapat banyak dalil dari Al-Quran dan As-Sunnah yang membicarakan mengenai persoalan yang berkaitan seks secara jelas dan terbuka.

Sebagai contoh, Allah taala berbicara mengenai cara menjalini hubungan seks fenomena seksual yang berlaku pada orang perempuan, iaitu haidh (Al-Baqarah: 222-3).

Rasulullah s.a.w secara terbuka mengajar cara yang baik menjalini hubungan seks yang bermaksud

“Janganlah ada di antara kamu yang menyetubuh isterinya dengan cara yang dilakukan haiwan. Hendaklah antara keduanya itu (suami dan isteri) terdapat pengantar. “Apakah dia, wahai Rasulullah?” Beliau menjawab “Ciuman dan percakapan.” (Riwayat Al-Baihaqi)

Rasulullah s.a.w juga membicarakan fenomena seksual dengan para sahabatnya. Sabda beliau yang bermaksud

“Mani seorang lelaki kental dan mani seorang perempuan kekuning-kuningan dan agak cair.” (Riwayat Muslim)

Sikap Yang Betul

Sebagai satu agama yang selaras dengan fitrah manusia, Islam menerima seks adalah sebahagian dari keperluan manusia. Islam tidak memandang bahawa seks adalah sesuatu yang 'kotor' yang dikaitkan dengan nafsu yang rendah (*lust*). Islam tidak berpendapat bahawa memenuhi keperluan seks sekali gus membicarakannya adalah sesuatu yang akan merendahkan martabat manusia dan menghijab manusia dari mendekati diri kepada Yang Maha Agung. Bahkan Islam menjadikan seks sebagai sebahagian dari wasilah yang membolehkan manusia mendapat pahala dari Allah taala. Di dalam sebuah hadits ada dinyatakan seperti berikut;

“Rasulullah s.a.w berkata ‘Bagi kamu, dalam menyetubuhi isteri kamu, pahala. Sahabat berkata ‘Wahai Rasulullah s.a.w apakah seseorang di antara kita yang memenuhi syahwatnya akan mendapat pahala?’ Beliau berkata ‘Bagaimana pendapat kamu kalau dia menyalurkan syahwatnya pada yang haram, apakah ia berdosa?’ Begitulah jika ia meletakkannya pada yang halal, maka ia akan mendapat pahala.” (Riwayat Muslim)

Peranan Ibu Bapa

Oleh itu, ibu bapa Islam tidak seharusnya bersifat malu atau memandang pembicaraan mengenai seks ini sebagai sesuatu yang 'taboo' sehingga mereka mengelakkan diri dari membicarakannya dengan anak-anak mereka atau menunjukkan sikap yang menghijab anak-anak mereka untuk berbicara mengenainya dengan mereka.

Islam menetapkan bahawa tanggungjawab utama untuk mendidik anak-anak terletak di atas bahu ibu bapa. Ini meliputi juga tanggungjawab pendidikan seks kepada anak-anak. Sikap ibu bapa yang menjauhi persoalan ini dari anak-anak sehingga menyebabkan berlaku penyelewengan seks oleh anak-anak mereka boleh dikira sebagai pengabaian terhadap tanggungjawab dalam mendidik anak-anak. Ini pastinya akan menjadi pertanggungjawaban di hadapan Allah taala.

Apa yang penting ialah untuk ibu bapa memahami falsafah dan objektif Islam dalam pendidikan seks, kaedah yang perlu digunakan, tahap-tahap yang perlu dilalui dan dilakukan dengan penuh adab.

Hal ini perlu difahami kerana pada hakikatnya terdapat perbezaan antara objektif, kaedah dan adab-adab dalam persoalan pendidikan seks antara Islam dan konsep pendidikan seks kontemporari.

Objektif Pendidikan Seks Dalam Islam

Tujuan pendidikan seks dalam Islam ialah untuk membimbing individu agar menyalurkan kehendak seksnya secara yang mulia, penuh tanggungjawab dan bagi memenuhi tujuan-tujuan lain yang lebih tinggi bukan sebagai satu hiburan atau keseronokan.

Dalam hal ini, seks di sisi Islam hanya dibenarkan antara lelaki dan perempuan yang diikat oleh ikatan perkahwinan.

Bertolak dari sini, pendidikan seks dalam Islam menjurus pada pencegahan dari terjerumus dalam zina. Zina dalam Islam bermaksud hubungan seks antara pasangan lelaki dan perempuan di luar ikatan perkahwinan. Ia meliputi pre marital sex dan extra marital sex. Zina telah diharamkan oleh Allah taala dalam Al-Isra' : 32.

Pendidikan seks dalam Islam juga menjurus pada pencegahan amalan seks di luar fitrah manusia seperti lesbian, gay, mendatangi binatang, masturbasi dan menyetubuhi dubur sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud

“Tujuh golongan yang Allah tidak akan melihat mereka pada hari Kiamat. Kepada mereka Allah akan berkata “Masuklah ke dalam neraka bersama mereka yang telah ditentukan akan masuk ke neraka. (Tujuh golongan itu ialah) Dua orang lelaki yang berbuat liwat, orang yang mengeluarkan mani dengan tangannya, orang yang menyetubuhi binatang, orang yang menyetubuhi dubur isterinya, orang yang mengahwini sekali gus seorang wanita dan anak perempuannya, orang yang berbuat zina dengan wanita jirannya dan orang yang mengganggu jirannya hingga ia dikutuk olehnya.” (Riwayat At-Tabarani)

Seks dalam Islam juga bertujuan sebagai satu wasilah bagi membangun unit-unit keluarga yang soleh sebagai asas sebuah masyarakat yang soleh pada hari ini dan generasi yang soleh di masa akan datang.

Ertinya Islam mengaitkan seks dengan satu tujuan yang lebih besar dan murni yang diwarnai dengan sifat tanggungjawab dan komitmen. Ia bukan sesuatu yang dilakukan bagi memenuhi keperluan biologi semata-mata atau hanya sebagai bukti rasa cinta antara dua pasangan manusia yang saling mengasihi.

Selain dari itu, pendidikan seks dalam Islam juga bertolak dari nilai kesucian (*chastity*) sebagai sebahagian dari tuntutan *ubudiyah* terhadap Allah taala. Daripada nilai ini, masalah umum terpelihara.

Perbezaan Dengan Barat

Di Barat seks dan pendidikan seks banyak dipengaruhi oleh fahaman Liberalisme yang amat mempengaruhi nilai hidup masyarakat Barat.

Di bawah pengaruh Liberalisme yang memberi banyak penekanan pada kebebasan individu dari pelbagai batasan, seks dianggap sebagai sesuatu yang menjadi sebahagian dari hak asasi individu dan manusia kerana ia adalah sesuatu yang merupakan fitrahnya.

Atas dasar ini, setiap individu yang telah dewasa pada hukum asalnya bebas melakukan seks atas dasar suka sama suka dan tiada siapa yang berhak menghalang mereka, tanpa kira sama ada sebelum berkahwin, sesama jenis atau dengan binatang dan samada bersendirian atau beramai-ramai.

Maka sebab itu, kita boleh melihat perubahan tren di Barat yang semakin bersifat bebas dan terbuka sehingga membenarkan pasangan sejenis untuk berkahwin, membenarkan kebebasan individu untuk menggugurkan anak, mengiktiraf tingkah laku lucah sebagai kesenian (*art*) dan mengakui pelacuran sebagai kerjaya.

Dalam konteks seperti ini, menghalang dan mencegah perbuatan ini dianggap sebagai pencabulan hak asasi manusia yang tidak sejajar dengan fahaman Liberalisme Barat. Halangan hanya boleh dibuat jika ada tujuan yang lebih besar. Walau bagaimana pun ia haruslah se minimum mungkin.

Maka itu, pendidikan seks di Barat yang dikenali sebagai *comprehensive sex education* umumnya bertujuan hanya untuk mencegah kelahiran anak luar nikah kerana ia banyak menimbulkan masalah sosial seperti jenayah dan kemiskinan dan membebankan pemerintah dari segi ekonomi kerana harus menyediakan skim-skim kebajikan disebabkan ketidakupayaan keluarga bagi menyara anak berkenaan. Selain itu, ia hanya bertujuan untuk memenuhi tujuan kesihatan umum seperti mengelakkan penyakit kelamin.

Maka sebab itu di dalam pendidikan seks di Barat mesej pendidikannya, walau pun kadang kala menasihati remaja agar meninggalkan seks sebelum nikah tetapi jika tidak mampu, maka lakukanlah dengan cara yang selamat agar tidak berlaku kandungan yang tidak dikehendaki atau dirancang dan agar tidak tersebar penyakit kelamin khususnya AIDS.

Pendidikan seks Barat lebih menjurus kepada seks yang selamat baik dilakukan secara rambang atau di luar nikah. Ini berbeza dengan zina yang menolak seks di luar nikah walau pun dilakukan secara yang selamat.

Pendidikan seks Barat pula bertolak dari menjunjung tinggi nilai kebebasan individu asal tidak menyalahi masalah umum atau hak orang lain. Seajar dengan budaya hedonisme, umumnya seks di sisi bangsa Barat juga diwarnai dengan sikap untuk berseronok, berhibur dan kepuasan naluri. Bukan sesuatu yang dilakukan atas dasar komitmen, tanggungjawab dan memenuhi wawasan yang lebih besar.

Walaupun bagaimana pun, tidak dinafikan bahawa di Barat terdapat juga aliran yang mempromosikan pendidikan seks yang berteraskan *abstinence* (menjauhi seks sebelum nikah). Namun ia bukanlah satu aliran yang dominan yang digunakan sebagai asas pendidikan seks yang diperkenalkan di institusi pendidikan di Barat.

Anjuran *abstinence* adalah wasilah bagi memenuhi anjuran *chastity* (kesucian dan keperawanan). Aliran ini dipengaruhi oleh pengaruh agama baik Kristian, Yahudi atau agama-agama lain yang kebanyakannya memang menolak budaya seks bebas yang berleluasa.

Walaupun aliran ini mempunyai persamaan dengan Islam tetapi wujud juga perbezaan khususnya dari segi adab-adab pergaulan yang lain antara lelaki dan perempuan.

Pendekatan Kita

Apabila kita meneliti perbincaraan Al-Quran dan As-Sunnah mengenai seks, kita akan dapati bahawa perbincaraan mengenai seks merupakan perbincaraan bagi satu topik yang lebih besar. Amat jarang seks dibicarakan sebagai satu topik yang tersendiri.

Ini bermaksud bahawa, walau pun seks adalah sesuatu yang fitrah bagi manusia tetapi ia haruslah diletakkan di bawah satu kerangka yang lebih besar dan di bawah isu yang lebih penting.

Umpamanya Islam menyatakan mengenai tanda-tanda baligh bagi lelaki ialah apabila ia telah bermimpi dan mengeluarkan mani manakala perempuan pula apabila ia telah haidh. Mimpi (*wet dream*), keluar mani (*ejaculation*) dan haidh (*menstruation*) adalah sebahagian dari isu seks yang dibincangkan di dalam pendidikan seks. Namun Islam membicarakannya bukan sebagai satu isu yang tersendiri atau semata-mata untuk membicarakan mengenainya. Sebaliknya ia dibicarakan sebagai tanda baligh. Isu baligh itu adalah lebih penting dari mimpi, keluar mani dan haidh kerana baligh adalah tahap bermulanya taklif (pertanggungjawaban). Seorang yang telah memikul taklif dia menanggung dosa dan pahala sendiri.

Pendekatan ini membolehkan anak-anak Islam memahami erti baligh pada waktu yang sama memahami isu berkaitan seks. Dengan cara ini pula isu-isu seks diikat dengan persoalan yang lebih besar dan fenomena seks dikaitkan dengan sifat tanggungjawab. Pendekatan ini membolehkan anak-anak memahami apa itu mimpi, mani dan haidh pada waktu yang sama menyedari bahawa ia adalah sesuatu permulaan kepada satu tahap kehidupan yang lebih penting yang memerlukan keseriusan dan bertanggungjawab.

Hari ini baligh biasanya berlaku pada umur 12. Maksimum umur mencapai baligh pula ialah apabila mencapai umur 15 tahun. Ini bermakna anak-anak Islam perlu memahami konsep baligh yang meliputi tanda-tanda baligh sebelum umur 12 dan 15 tahun lagi. Agar dengan itu, menjadikan mereka seorang yang bersedia apabila menjangkau baligh. Ini secara tidak langsung memberi garis panduan kepada ibu bapa mengenai waktu bila isu ini dibincangkan kepada anak-anak dan bagaimana menyampaikannya.